

FAQ SENARAI SEMAK BAYARAN LEBIH MASA

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	<p>Terdapat sebilangan PTJ menggunakan kew.8 sebagai dokumen sokongan pembayaran elaun lebih masa kerana mengikut kgt bukannya penyata gaji bulan semasa.</p> <p>Contoh :</p> <p>Gaji semasa (Mac) penyata gaji RM1300 Gaji kgt Jan kew.8 Mac sepatutnya RM1450</p> <p>Pegawai menggunakan kadar sebulan ((RM1450 x 12 x 1.125)/2504) = RM7.82 bukannya ((RM1300 x 12 x 1.125)/2504) = RM7.01 Atas alasan gaji sepatutnya diterima bagi Mac adalah RM1450 bukannya RM1300.</p>	<p>Antara dokumen sokongan yang diperlukan dalam semakan pengiraan bayaran lebih masa adalah penyata gaji bagi bulan tuntutan. Amaun gaji pokok yang diambil kira adalah seperti yang tertera di penyata gaji tersebut.</p>
2.	<p>Adakah pegawai boleh menuntut pelarasan elaun lebih masa bagi bulan-bulan yang telah lepas?</p> <p>Contoh :</p> <p>Elaun lebih masa bagi Mac dituntut RM7.01/jam Tetapi memandangkan OT Januari dibuat pada kadar RM7.01/jam (ikut payslip semasa) walhal kenaikan gaji tahunan Jan sepatutnya bermula RM7.82/jam.</p> <p>Setelah mendapat pelarasan gaji bagi Jan pada bulan Mac sebanyak RM1450 (rm7.82/jam) beliau ingin menuntut baki selisihan OT bagi Jan dan Feb.</p>	<p>Tuntutan pelarasan bayaran lebih masa layak dituntut setelah KGK diterima dan tuntutan ini tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan.</p>
3.	<p>Istilah Hari Kelepasan Am merujuk kepada cuti umum Negara, namun begitu, adakah dibenarkan untuk meminda tarikh Hari Kelepasan Am tersebut?</p> <p>Contoh :</p> <p>Hari Kelepasan Am 1 Januari jatuh pada hari rehat mingguan (hari Ahad). Maka Hari Kelepasan Am dituntut pada hari Isnin kerana Hari Rehat Mingguan masih dikira hari Ahad Apabila merujuk kepada surat JPA.</p> <p>Namun begitu terdapat PTJ yang bekerja shif, membenarkan Hari kelepasan Am dituntut dalam minggu itu, sebagai contoh hari Khamis dikira sebagai Hari Kelepasan Am.</p>	<p>Pegawai yang bekerja secara giliran :</p> <p>Cuti Kelepasan Am jatuh pada hari Ahad (1Jan)</p> <p>Contoh 1 :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Cuti rehat mingguan pegawai : Ahad (1 Jan) (yang telah ditetapkan dalam Jadual Shif) - Cuti Kelepasan Am pegawai : Isnin (2 Jan) <p>Contoh 2 :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Cuti rehat mingguan pegawai : Rabu (4 Jan) (yang telah ditetapkan dalam Jadual Shif) - Cuti Kelepasan Am pegawai : Ahad (1 Jan) <p>Pindaan tidak dibenarkan kerana Hari Kelepasan Am bagi</p>

FAQ SENARAI SEMAK BAYARAN LEBIH MASA

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>pegawai yang bekerja secara giliran adalah tertakluk kepada cuti rehat mingguan yang ditetapkan dan Hari Kelepasan Am yang berkaitan.</p> <p>Rujukan : i) Bab C, Perintah AM ii) 'Ruling' Bayaran Lebih Masa, rujukan JPA 63/31 BHG.1 Klt.7(19) bth 5 Disember 1998</p>
4.	<p>Siapa yang sepatutnya memberi kelulusan berkaitan dengan cuti gantian? Kerana ada pegawai gred 41 memohon cuti gantian kerana menjalankan tugas lebih masa.</p>	<p>Permohonan cuti gantian adalah tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan.</p> <p>Rujukan : Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1980</p>

Disediakan oleh

JANM Negeri Selangor